# Puisi Tradisional
## (Pantun Enam Kerat)

### Maksud

***Rangkap 1***

Kelukaan di hati disembunyikan daripada pengetahuan orang lain walaupun pedihnya amat mendalam.

***Rangkap 2***

Sesuatu yang berlaku kepada kita harus diterima dengan perasaan yang reda kerana itu semua sudah suratan takdir bukannya salah ibu yang melahirkan kita.

***Rangkap 3***

Sudah menjadi kelaziman manusia sering melebihkan orang yang baru sehingga orang lama terasa disisihkan dan tidak diperlukan lagi.

### Tema

Kekecewaan dalam hidup.

### Persoalan

1. Persoalan menyembunyikan hati yang terluka (rangkap 1)
2. Persoalan menerima suratan takdir (rangkap 2)
3. Persoalan mengutamakan yang baru berbanding yang lama. (rangkap 3)

### Bentuk

1. Mempunyai 3 rangkap
2. Mempunyai 6 baris bagi setiap rangkap
3. Jumlah perkataan antara 4 hingga 5 perkataan sebaris
   Contoh : Putik kelapa menjadi muda ( 4 perkataan – rangkap 1)
   Contoh : Sudah mendapat orang yang baru (5 perkataan – rangkap 3)
4. Terdiri daripada 8 hingga 12 suku kata.
5. Rima abcabc
6. Bentuk pantun terikat.

## Gaya Bahasa

1. Unsur bunyi
   Asonansi – *hati luka pura tiada* ( rangkap 1 baris 4) – pengulangan vokal ‘a’
   Aliterasi – kail tersangkut di tepi batang ( rangkap 3 baris 3) – pengulangan konsonan ‘t’

2. Peribahasa
   ***Ibarat** kaca jatuh ke lantai* ( rangkap 1 baris 6)
   ***Ibarat** melukut di tepi gantang* (rangkap 3 baris 6)

3. Sinkope
   *Rasa pedih buat **tak** tahu* (rangkap 1 baris 5)

4. Repitisi
   ***Sudah** takdir **sudah** suratan* (rangkap 2 baris 5)

5. Unsur alam
   *Haiwan – ikan cencaru, ikan gelama*
   *Tumbuhan – kelapa, kedondong, buluh,*

## NILAI

1. Nilai keredaaan.Contohnya reda dengan suratan takdir.
2. Nilai ketabahan. Contohnya sentiasa tabah dengan kesedihan yang menimpa diri.

## Pengajaran

1. Kita janganlah terlalu menunjukkan rasa kecewa.
2. Kita janganlah sesekali menyalahkan takdir.
3. Kita janganlah melupakan orang yang pernah berjasa kepada kita.

**Latihan**

1. Nyatakan maksud rangkap pertama pantun tersebut.
2. Berikan maksud ibarat melukut di tepi gantang.

**Jawapan**

1. Kelukaan di hati disembunyikan daripada pengetahuan orang lain walaupun pedihnya amat mendalam.
2. Maksud ibarat melukut di tepi gantang ialah orang yang kurang penting.